



21 Jun 2016
KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

**PUSPAKOM TEMERLOH DINAIK TARAF UNTUK PEMERIKSAAN
KENDERAAN PERDAGANGAN RINGAN**

Temerloh, 21 Jun – Mulai 3 Jun 2016, perkhidmatan pemeriksaan di cawangan PUSPAKOM Temerloh telah dinaik taraf bagi kenderaan perdagangan ringan Berat Dengan Muatan (BDM) 5,999kg ke bawah berikutan penambahbaikan lorong pemeriksaan yang dilakukan. Sebelum ini, pemeriksaan di cawangan PUSPAKOM Temerloh adalah hanya untuk kenderaan dengan BDM 3,500kg ke bawah sahaja.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail berkata, “Penambahbaikan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan yang bukan sahaja meningkatkan keupayaan fasiliti pemeriksaan bagi memudahkan dan mempercepatkan lagi proses pemeriksaan kenderaan pelanggan, malah meningkatkan lagi produktiviti PUSPAKOM dalam mengoptimumkan kapasiti pemeriksaan bagi tujuan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.”

“Hasil daripada penambahbaikan ini, kapasiti operasi di cawangan PUSPAKOM Temerloh telah meningkat sebanyak 50%. Ianya kini mampu mengendalikan sebanyak 150 kenderaan sehari. Justeru, kami mengalu-alukan para pelanggan khususnya pengusaha kenderaan perdagangan yang mempunyai kenderaan perdagangan ringan dengan BDM 5,999 ke bawah di kawasan Temerloh dan berdekatan untuk mengunjungi cawangan tersebut.” tambahnya lagi.

Penambahbaikan lorong pemeriksaan ini nyata akan memberi kemudahan kepada orang ramai di Temerloh dan dapat memenuhi keperluan para pelanggan. Dengan ini, pemilik dan operator kenderaan seperti lori, bas dan sebagainya yang berada di kawasan Temerloh tidak lagi perlu ke cawangan PUSPAKOM Kuantan, Raub dan Pekan untuk menjalani pemeriksaan mereka.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM di 1-800-88-6927 atau emel dp.customerservice@puspakom.com.my atau cawangan PUSPAKOM Temerloh di talian 09-2779778.

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM Sdn. Bhd.
03-2052 7465

**Gambar selepas penambahbaikan lorong pemeriksaan berperalatan
di cawangan PUSPAKOM Temerloh**

